

KERELEVANAN HUGUAN SIOU DALAM KONTEKS KESATUAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN

The Relevance of Huguan Siou in the Context of Kadazandusun Community

CEROLIZA MATIN

*CJ Logistics Express Malaysia Sdn. Bhd.,
Cawangan Kota Kinabalu, Sabah
E-mel: cerolieza@ymail.com
Dihantar: 19 Mei 2021 / Diterima: 20 Julai 2021*

Abstrak

Huguan Siou telah wujud sekian lama dalam konteks sistem pentadbiran tradisional masyarakat Kadazandusun dan masih digunakan dalam konteks moden bagi mewujudkan perpaduan demi mengangkat masyarakat ini pada kedudukan yang berpengaruh dalam politik dan sosial di Sabah. *Huguan Siou* atau Pemimpin Agung ini merupakan simbol kesatuan dan perpaduan puak atau pelbagai etnik yang wujud dalam masyarakat Kadazandusun melalui institusi kebudayaan. Seiring dengan kemunculan nasionalisme di Sabah, bagi masyarakat Kadazandusun, *Huguan Siou* merupakan status pemimpin yang dapat memimpin mereka dengan mempunyai kuasa dan pengaruh bagi mewakili perjuangan politik mereka. Walau bagaimanapun, penglibatannya dalam bidang politik telah menimbulkan pelbagai perspektif setelah wujud pelbagai aliran separatisme sosial dan politik dalam masyarakat Kadazandusun. Justeru, kertas kerja ini akan cuba menjelaskan kerelevanan *Huguan Siou* dalam konsep dan realiti kesatuan masyarakat Kadazandusun. Harapan penulis, penjelasan yang diberikan dapat memberi gambaran dan memperlihatkan *Huguan Siou* sebagai status dan gelaran terpenting dalam masyarakat Kadazandusun dulu dan sekarang. Maka, analisis fakta yang digunakan adalah mengikut pendekatan disiplin sejarah dengan merujuk kepada sumber primer, sumber sekunder dan sumber lisan.

Kata kunci: *Huguan Siou*, kesatuan, kerelevanan.

Abstract

Huguan Siou has existed for a long time in the context of the traditional administrative system of the Kadazandusun community used in the modern context to create unity in order to elevate this community to an influential position in politics and society in Sabah. This *Huguan Siou* or Supreme Leader is

a symbol of the unity and solidarity of the tribes or various ethnicities that exist in the Kadazandusun community through cultural institutions. Along with the emergence of nationalism in Sabah, for the Kadazandusun community, Huguan Siou is a status leader who can lead them by having the power and influence to represent their political struggle. However, his involvement in politics has given rise to various perspectives after the existence of various streams of social and political separatism in the Kadazandusun community. Thus, this paper will attempt to explain the relevance of Huguan Siou in the concept and reality of the unity of the Kadazandusun community. The author hopes that the explanation given can give a picture and show Huguan Siou as the most important status and title in the Kadazandusun community then and now. Thus, the fact analysis used is according to the approach of the discipline of history with reference to primary sources, secondary sources and oral sources.

Keywords: *Huguan Siou, community, relevance.*

Pengenalan

Kewujudan *Huguan Siou* dalam konteks moden pula dikaitkan dengan kesedaran identiti kebudayaan etnik peribumi bermula khususnya bagi masyarakat Kadazandusun. Status dan gelaran *Huguan Siou* telah digunakan dalam konteks moden bagi mengangkat kembali kepemimpinannya sebagai ketua masyarakat. Status dan gelaran ini turut digunakan dalam konteks moden bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Kadazandusun melalui institusi kebudayaan. Namun, seiring dengan kesedaran berpolitik dalam masyarakat Kadazandusun, *Huguan Siou* merupakan status dan gelaran pemimpin yang dapat memimpin mereka dengan mempunyai kuasa dan pengaruh bagi mewakili perjuangan politik mereka. Maka, *Huguan Siou* diwujudkan demi mengangkat masyarakat Kadazandusun pada kedudukan yang berpengaruh dalam politik dan sosial di Sabah setelah mencapai kemerdekaan. Walau bagaimanapun, kewujudan pelbagai aliran separatisme dalam masyarakat Kadazandusun khususnya dari segi penerimaan agama Kristian dan Islam telah membentuk satu kelompok masyarakat yang berbilang dari segi agama. Kesedaran berpersatuan oleh golongan ini menjadi titik tolak kepada kemunculan dan penubuhan pelbagai parti politik di kalangan masyarakat Kadazandusun. Justeru, dalam konteks moden *Huguan Siou* hanya dilihat relevan sebagai simbol kesatuan melalui institusi kebudayaan.

Huguan Siou dalam Kesatuan Masyarakat Kadazandusun

Kemerdekaan dan penggabungan Sabah dengan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak memberi impak yang besar terhadap keberadaan pelbagai etnik yang terdapat di Sabah. Bagi masyarakat Kadazandusun, *Huguan Siou* merupakan status dan gelaran pemimpin yang dapat memimpin mereka dengan mempunyai kuasa dan pengaruh bagi mewakili perjuangan politik, sosial dan ekonomi dalam sebuah negeri yang merdeka.

Walau bagaimanapun, kemunculan aliran separatisme dalam masyarakat Kadazandusun yang berbeza dari segi latar belakang sosial, budaya dan politik sedikit sebanyak menjadi satu cabaran dan kesukaran kepada *Huguan Siou* untuk menyatupadukan masyarakat Kadazandusun yang terdiri daripada pelbagai suku kaum pada hari ini. Dari segi perbezaan sosial misalnya, masyarakat Kadazandusun tradisional hanya mengamalkan sistem kepercayaan yang bercirikan politeisme. Walau bagaimanapun, setelah agama Kristian dan Islam bertapak di Sabah secara tidak langsung telah memperlihatkan pelbagai aliran separatisme di mana membentuk satu kelompok masyarakat yang berbilang dari segi agama. Kebanyakan daripada masyarakat Kadazandusun khususnya suku Kadazan dan Dusun lebih cenderung memilih agama Kristian. Malah, terdapat pelbagai mazhab Kristian yang dianuti oleh masyarakat Kadazandusun. Ada yang menganuti agama Kristian Katolik, Mazhab Protestan, Sidang Injil Borneo (SIB), *The True Jesus*, *Seventh Day Adventists* (SDA), *Society of The Propagation of the Gospel* (SPG) atau *Anglican*, *Basel* dan *Calvary*, manakala sebilangan daripada masyarakat Kadazandusun dari suku kaum Idahan dan Bisaya memeluk agama Islam.

Kemunculan aliran separatisme politik turut berlaku dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Pendidikan moden yang diperkenalkan oleh penjajah Barat telah melahirkan golongan elit terpelajar masyarakat Kadazandusun dan mula bergiat dalam persatuan. Golongan elit yang mendapat pendidikan ini juga terdiri daripada seluruh masyarakat peribumi di Sabah, iaitu terdiri daripada kaum Cina, India dan lain-lain kaum asing yang datang menetap di Sabah turut bergiat dalam persatuan yang mewakili suku kaum mereka.

Kesatuan ini pada awalnya hanya menjalankan kegiatan yang berupa aktiviti sukan, kebudayaan, kesenian dan sambutan hari-hari kebesaran telah menjadi titik tolak kepada kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat Kadazandusun bagi memperjuangkan kepentingan masing-masing sehingga kewujudan pelbagai parti politik. Contohnya, Persatuan Kadazan atau *The Society of Kadazans* yang ditubuhkan pada tahun 1952 di Penampang merupakan asas kepada penubuhan parti politik yang pertama di Sabah iaitu *United National*

Kadazan Organization (UNKO) oleh Donald Stephens pada bulan Ogos 1961. Parti ini pada mulanya dianggotai oleh kaum Kadazan dan Kadazandusun lain yang memperjuangkan kepentingan ahlinya. Malah, memandangkan keahlian parti yang terdiri daripada masyarakat Kadazandusun yang menganuti agama Kristian, maka kegiatan keagamaan sesuai dijalankan secara aktif.

Bagi masyarakat Kadazandusun yang beragama Islam pula, mereka telah berusaha menubuhkan pertubuhan yang mempunyai organisasi yang mantap dan boleh menyebarkan agama Islam demi kepentingan umat Islam. Hasrat ini dapat direalisasikan apabila Parti UNKO atau *United Sabah National Organization* telah ditubuhkan.¹ Namun, pada tahun 1960-an proses perkembangan dan kemunculan parti politik lain agak perlahan. Gagasan Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 17 Mei 1961 merupakan salah satu faktor yang telah mempercepatkan penubuhan pelbagai parti di Sabah. Selain itu, wujudnya ketidaksefahaman dan ketidakpuasan hati antara ahli atau pemimpin dalam parti telah menyebabkan penubuhan parti baharu. Contohnya, pemimpin dari suku kaum Dusun dan Murut telah keluar dari Parti UNKO dan menubuhkan Parti Pasok Momogun yang bertujuan membantah tindakan Donald Stephens menyetujui gagasan penubuhan Malaysia.² Suku kaum ini turut tidak berpuas hati tentang penggunaan istilah Kadazan yang digunakan oleh Donald Stephens sebagai identiti Dusun. Keadaan ini telah membawa kepada perpecahan awal masyarakat Kadazandusun yang akhirnya mengakibatkan konflik dan krisis berterusan kerana cuba mempertahankan fahaman dan ideologi masing-masing. Parti Pasok Momogun telah dipimpin oleh O.K.K. Sedomon sebagai Presiden dan O.T Yusop Gulim sebagai Setiausahanya.³

Sehingga hari ini, pelbagai parti politik telah wujud di Sabah. Penubuhan parti politik pula berasaskan kepentingan etnik dan menjadi ciri utama parti politik di Sabah sejak dari awal penubuhannya sehinggalah hari ini. Pertubuhan parti politik ini pula bertujuan untuk menyuarakan kepentingan serta memperjuangkan hak suku kaum yang diwakili. Walaupun begitu, penubuhan parti politik jelas menunjukkan wujud persaingan antara parti dan secara tidak langsung menonjolkan kualiti setiap kepimpinan seorang pemimpin politik. Akibatnya, pada hari ini status dan gelaran *Huguan Siou* yang dimiliki oleh seorang pemimpin politik pada awalnya yang dianggap dapat mewakili perjuangan Kadazandusun ternyata tidak berkesan. Melihat kepada situasi ini, konteks pemahaman terhadap status dan gelaran *Huguan Siou* adalah suatu permasalahan dan cabaran kepada *Kadazandusun Cultural Association Sabah* (KDCA) yang mempunyai bermacam-macam etnik, budaya, bahasa dan agama agar dapat bersatu dalam kepelbagaian. Tambahan pula, wujud pelbagai aliran separatisme dalam masyarakat Kadazandusun. Justeru, dalam suasana yang tertentu kemunculan aliran separatisme ini menimbulkan ketegangan dan konflik dan jika dibiarkan berterusan boleh menyebabkan

perpecahan. Namun begitu, dengan adanya institusi kebudayaan seperti KDCA, ia telah menjadi simbolik kejayaan dalam menyatukan suku kaum Kadazandusun khususnya dan suku kaum lain di Sabah amnya. Status dan gelaran *Huguan Siou* begitu dominan dalam memartabatkan KDCA sebagai pusat penyatuan dan kesatuan melalui pelaksanaan perayaan Pesta Kaamatan dan pesta Nunuk Ragang yang dirayakan setiap tahun.

Huguan Siou turut signifikan sebagai faktor utama dalam menyatukan suku kaum yang termaktub dalam perlembagaan KDCA. Berdasarkan kepada huraian klasifikasi Kadazandusun menurut perlembagaan KDCA, Kadazandusun merujuk kepada semua suku kaum yang tergolong dalam keluarga Dusun, Paitan dan Murut. Dalam erti kata lain, KDCA menganggap mereka yang bertutur dalam bahasa keluarga Dusunik, Paitanik, dan Murutik termasuk orang Sungai, Orang Bisaya, Orang Idahan dan sebagainya tergolong dalam Kadazandusun.⁴ Namun demikian, Persatuan Dusun Sabah Bersatu atau *United Sabah Dusun Association* (USDA) tidak menerima suku Murut atau penutur bahasa Murutik tergolong dalam masyarakat Kadazandusun.⁵ Berdasarkan takrifan USDA, suku kaum yang tergolong dalam masyarakat Kadazandusun ialah mereka yang menutur bahasa Dusunik dan Paitanik. Walau bagaimanapun, di bawah perlembagaan KDCA, semasa *Huguan Siou* Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, beliau telah memasukkan kumpulan *Murutik* dan *Paitanic* dalam golongan keluarga Kadazandusun.⁶

Kedudukan *Huguan Siou* sebagai ketua dan menduduki hierarki tertinggi dalam kepimpinan KDCA telah membawa bersamanya semangat perpaduan dan menjadi simbol kesatuan. Hal ini demikian kerana Pesta Kaamatan adalah berdasarkan kepada kebudayaan masyarakat Kadazandusun, namun perayaan ini dikongsi bersama dengan suku kaum yang lain dan telah menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat berbilang kaum yang wujud di Sabah. Walaupun terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang sosial, amalan kebudayaan dan ideologi politik yang berbeza, tetapi melalui pelaksanaan dan keramaian Pesta Kaamatan secara bersama telah membentuk perpaduan yang masih terpelihara sehingga kini.

Fenomena ini dapat menggambarkan bahawa masyarakat boleh berkumpul bersama dan melupakan perbezaan ideologi politik mereka. Justeru, melalui pelaksanaan Pesta Kaamatan oleh KDCA membolehkan masyarakat berhimpun dan berpeluang untuk memperbaharui perasaan dan semangat untuk bersatu padu mendatangkan suasana gembira dalam satu komuniti sebagai memenuhi tuntutan suci serta melenyapkan perasaan individualistik. Melalui perayaan Pesta Nunuk Ragang oleh KDCA, *Huguan Siou* turut menjadi simbol kesatuan dan perpaduan masyarakat Kadazandusun kerana *Huguan*

Siou yang wujud hari ini adalah keturunan penduduk asal Nunuk Ragang, iaitu tempat bermulanya ketamadunan masyarakat Kadazandusun. Malah, *Huguan Siou* merupakan pemimpin yang banyak memimpin demi kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Kadazandusun seperti yang dapat dilihat hari ini. Maka, status dan gelaran *Huguan Siou* dalam kepemimpinannya khususnya melalui institusi kebudayaan sangat relevan bukan sahaja sebagai simbol kesatuan tetapi sebagai penjaga budaya masyarakat Kadazandusun, iaitu Pesta Kaamatan dan Pesta Nunuk Ragang yang telah menjadi kebanggaan sejak dulu lagi. Di samping itu, ia menjadi satu perayaan yang dapat menyatupadukan seluruh masyarakat di Sabah.

Penerimaan *Huguan Siou* setelah Kemunculan Aliran Separatisme Politik dan Sosial dalam Masyarakat Kadazandusun

Pada awalnya kewujudan status *Huguan Siou* dalam konteks moden adalah untuk mewakili perjuangan institusi kebudayaan masyarakat Kadazandusun. Seiring dengan perkembangan politik di Sabah, status ini turut dirasai dapat memimpin dan mewakili perjuangan politik dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Tambahan pula, tidak terdapat sebarang larangan terhadap seorang yang menyandang gelaran *Huguan Siou* untuk tidak terlibat dalam politik. Walau bagaimanapun, penglibatan *Huguan Siou* dalam bidang politik telah menyebabkan status dan gelaran *Huguan Siou* yang dimiliki menerima kritikan dari pelbagai pihak dari semasa ke semasa. Hal ini demikian kerana masyarakat Kadazandusun merasakan telah berlaku kelemahan dalam mentadbir atau mengurus KDCA sebagai pusat kesatuan dan perpaduan masyarakat Kadazandusun. Keadaan ini menimbulkan beberapa isu seperti status dan gelaran ini seharusnya diberikan kepada individu yang benar-benar berkemampuan mentadbir dan mengurus KDCA kerana terdapat ramai pemimpin Kadazandusun lain yang juga cukup berkharisma dan berwibawa bagi menerajui institusi *Huguan Siou* tanpa ada motif politik. Selain itu, penglibatan *Huguan Siou* dalam arena politik menyebabkan status dan gelaran itu turut dipolitikkan.

***Huguan Siou* dalam Politik Masyarakat Kadazandusun**

Pada awalnya, penglibatan *Huguan Siou* dalam arena politik diterima baik dan mendapat sokongan daripada masyarakat Kadazandusun. Hal ini demikian kerana selain mempertahankan dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan adat dan kebudayaan tetapi juga menyuarakan kepentingan dan hak masyarakat Kadazandusun. Di samping itu, perjuangan *Huguan Siou* melalui politik dirasakan sesuai dan tepat pada masanya apabila wujudnya konflik dalam masyarakat Kadazandusun, khususnya berkaitan dengan penyeragaman panggilan etnik menjadi satu bangsa yang dihormati.

Usaha penyatuan ini tidak berjaya sepenuhnya kerana semangat mementingkan suku kaum begitu tebal. Malah, perpecahan turut berlaku dalam kalangan golongan elit Kadazandusun yang cuba mempertahankan fahaman dan ideologi masing-masing. Konflik ini ternyata berpanjangan dan fenomena ini menggambarkan bahawa belum wujudnya penyatuan sesama mereka sehingga menimbulkan kesukaran *Huguan Siou* untuk menyatupadukan semua etnik melalui parti politik. Kesukaran *Huguan Siou* menyatukan masyarakat Kadazandusun semakin bertambah apabila menjelang tahun 1960-an proses perkembangan dan kemunculan pelbagai parti politik berlaku namun sedikit perlahan.⁷ Bagaimanapun, Gagasan Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 17 Mei 1961 sedikit sebanyak telah mempercepatkan penubuhan pelbagai parti politik di Sabah. Kemunculan pelbagai parti politik ini pula telah mewujudkan persaingan antara parti. Hal ini demikian kerana setiap parti politik yang ditubuhkan masing-masing menyuarakan segala keperluan masyarakat yang diwakili.

Bagi masyarakat Kadazandusun, status dan gelaran *Huguan Siou* yang dimiliki oleh pemimpin politik adalah satu kelebihan untuk mempertahankan dan membolehkan parti politik berkuasa di samping dapat mempertahankan kepentingan mereka. Tidak dinafikan kelangsungan dominasi parti politik di bawah pimpinan *Huguan Siou* dalam setiap pilihan raya umum di Sabah sejak tahun 1961 dengan penubuhan parti politik iaitu UNKO sehinggalah parti politik Parti Bersatu Sabah (PBS) di bawah pimpinan *Huguan Siou* yang kedua (Datuk Joseph Pairin Kitingan) telah mewujudkan suatu bentuk kemenangan yang disifatkan sebagai berunsur 'hegemoni'⁸. Malahan, pemilihan parti politik oleh masyarakat Kadazandusun dalam setiap kali pilihan raya bukan sahaja berkaitan dengan kepentingan mana-mana etnik tetapi juga kepimpinannya sebagai *Huguan Siou* telah menjadi faktor utama dalam pemilihan parti.⁹ Misalnya, apabila masyarakat Kadazandusun melihat poster *Huguan Siou* (pemimpin masyarakat Kadazandusun), pada setiap kali pilihan raya, mereka akan mengundi berikutan kedudukan beliau yang tertinggi di kalangan Kadazandusun dan Murut.¹⁰

Kepentingan etnik ini pula dapat dilihat dalam konteks kepentingan agama, kepentingan mereka berhubung dengan isu politik semasa dan isu lain yang mempengaruhi taraf sosioekonomi dan sosiopolitik. Misalnya, kedua-dua parti yang diterajui oleh *Huguan Siou* atau pemimpin Kadazandusun iaitu Parti UNKO dan PBS ditubuhkan untuk membela kepentingan masyarakat Kadazandusun, khususnya kepentingan agama, pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik masyarakat Kadazandusun. Maka, masyarakat Kadazandusun beranggapan bahawa Parti UNKO dan PBS sebagai satu-satunya parti politik yang dapat membela kepentingan mereka sehingga menunjukkan bahawa

faktor inilah yang menyebabkan majoriti masyarakat Kadazandusun menyokong parti yang diterajui oleh *Huguan Siou*. Meskipun berlaku pecahan undi yang disebabkan pelbagai isu yang wujud dalam perkembangan politik semasa, sokongan yang konsisten dalam pola pengundian masyarakat Kadazandusun (kepada Parti UNKO, dan kemudiannya kepada PBS) membuktikan bahawa perlakuan pengundi masyarakat Kadazandusun bersifat statik. Oleh itu, wujud pelbagai isu dalam pilihan raya, sama ada pada peringkat supralokal dan nasional, ketaatsetiaan masyarakat Kadazandusun kepada parti politik yang diterajui oleh *Huguan Siou* tidak berubah selagi isu-isu yang muncul itu tidak berupaya mengancam kepentingan masyarakat Kadazandusun.¹¹ Hal ini demikian kerana penglibatan *Huguan Siou* dalam politik sudah sangat sinonim dalam perkembangan politik masyarakat Kadazandusun.

Namun begitu, penglibatan *Huguan Siou* dalam bidang politik juga kadangkala tidak diterima oleh sesetengah masyarakat Kadazandusun. Penglibatan seseorang *Huguan Siou* dalam politik bakal mendapat kecaman apabila status dan gelaran *Huguan Siou* yang dimiliki telah dipolitikkan oleh sesetengah pihak. Malah, institusi ini semakin tergugat apabila terdapat sesetengah masyarakat Kadazandusun akan meminta agar menukar *Huguan Siou* apabila mereka mendapati *Huguan Siou* yang merupakan ketua mereka tidak lagi sensitif dan responsif kepada tuntutan mereka. Tambahan pula, kini ramai dalam kalangan masyarakat Kadazandusun menganggap *Huguan Siou* bukan lagi seorang wira Kadazandusun seperti yang pernah mereka lihat dalam perjuangan politiknya sebelum ini. Keadaan seperti ini telah menggalakkan golongan terpelajar daripada masyarakat Kadazandusun untuk menubuhkan parti politik sendiri yang memperjuangkan kepentingan masing-masing.

Terdapat pelbagai isu berkaitan status dan gelaran *Huguan Siou* yang dimiliki oleh pemimpin politik. Misalnya, tindakan Parti Keadilan Rakyat (PKR) cabang Ranau iaitu Jonatan Yassin merupakan Ketua PKR Ranau merupakan seorang dari suku Dusun memberikan gelaran *Huguan Siou* kepada ketua pembangkang, Datuk Seri Anuar Ibrahim ketika membuat lawatan di Kampung Paginatan, Ranau pada 12 Februari 2013. Keadaan ini berlaku apabila sesetengah daripada masyarakat Kadazandusun menganggap *Huguan Siou* kedua iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, nyata gagal meneruskan aspirasi perjuangan Kadazandusun sebagai bangsa yang maju.

Status dan gelaran *Huguan Siou* juga pernah dipolitikkan oleh sesetengah individu di Sabah pada tahun 1990-an. Menurut Pandikar Amin Haji Mulia, cadangan untuk 'Menaja Huguan Siou Baru' atau menaja penonjolan seorang lagi *Huguan Siou* baharu adalah untuk menyaingi Datuk Pairin atau PBS. Antara individu yang dicalonkan ialah Joseph Kurup, Datuk Mark Koding dan

Dr. James Ongkili.¹² Perkara ini turut disentuh dalam penulisan Chamil dengan menyatakan strategi atau bagaimana cara untuk mendapatkan sokongan suku kaum Dusun dan Kadazan adalah dengan melantik seorang lagi *Huguan Siou*. Menurut beliau, Kuala Lumpur perlu menonjolkan seorang lagi *Huguan Siou* dari kalangan kaum Kadazan untuk menyaingi Datuk Pairin. Maka, Joseph Kurup telah dikenal pasti sebagai calon Huguan Siou yang baru'.¹³

Pada masa yang sama, isu *Sigar* ditimbulkan. Ia berkenaan dengan *sigar* yang dipakaikan kepada Dr. Mahathir merupakan Ketua Menteri ketika itu, bersempena merasmikan Pesta Menuai di Kudat pada 20 Jun 1980 dan *sigar* yang dipakai oleh Tengku Razaleigh ketika merayakan Pesta Menuai di Kota Kinabalu pada 16 Oktober 1990 yang dikatakan mempunyai bentuk 'salib' di hadapannya. Para pemimpin UMNO telah menggunakan isu *sigar* sebagai kempen dalam politik yang bertujuan menaikkan kemarahan orang Islam dan mendakwa bahawa tindakan pemimpin Kadazandusun memakaikan *sigar* kepada mereka adalah salah satu cara untuk menyebarkan agama Kristian. *Sigar* yang dikatakan itu hanya mempunyai corak berpalang yang seakan-akan menyerupai bentuk salib, maka mereka terus mendakwa corak itu sebagai salib.¹⁴

Walau bagaimanapun, tindakan 'menaja Huguan Siou baru', dan memberi gelaran *Huguan Siou* kepada Datuk Seri Anuar Ibrahim adalah bertujuan mendapatkan kepentingan politik. Menurut Datuk Seri Najib Razak (mantan Perdana Menteri) dalam ucapannya sempena majlis pelancaran Program Nadi Kasih Peringkat Negeri Sabah di Majlis Daerah Tuaran menyifatkan tindakan Datuk Seri Anuar Ibrahim menerima gelaran itu sebagai terdesak dan budaya setiap kaum perlu dihormati.¹⁵ Berikut adalah kenyataan beliau:

"Barisan Nasional (BN) bukan sahaja menepati janji, malah menghormati orang Sabah. Saya tidak mahu digelar Huguan Siou, tidak seperti Anuar sanggup menerima gelaran itu kerana terdesak. Bagi saya, orang luar perlu hormat budaya KDM dan tidak sepatutnya menerima gelaran berkenaan".¹⁶

Datuk Eric Majimbun iaitu ahli seumur hidup KDCA, menyatakan gelaran *Huguan Siou* yang diberikan kepada Datuk Seri Anuar Ibrahim jelas tidak menghormati budaya dan adat resam masyarakat Kadazandusun. Presiden UPKO iaitu Tan Sri Bernard Dompok, menyifatkan tindakan PKR cabang Ranau itu sebagai satu jenaka. Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, turut menyifatkan tindakan mengangkat Anuar sebagai *Huguan Siou* disifatkan sebagai polemik politik parti berkenaan.¹⁷

Selain itu, menurut Pengerusi Gerakan Suara Kadazandusun Murut Bersatu (SKB) Lesaya Lopog Sorudim, menyatakan tindakan menobatkan Ketua Pembangkang ini dengan gelaran berkenaan adalah penghinaan kepada masyarakat Kadazandusun dan Murut kerana ia tidak boleh diberikan sesuka hati. Gelaran *Huguan Siou* hanya boleh dipegang seorang individu sahaja iaitu Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Tan Sri Panglima Joseph Pairin Kitingan yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah.¹⁸ Beliau berpendapat bahawa 'episod' baharu dalam senario politik Sabah itu jelas menjadi penghinaan kepada kebanggaan masyarakat Kadazandusun.

Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Henry Bating turut menyatakan tindakan menganugerahkan gelaran *Huguan Siou* kepada Datuk Seri Anuar Ibrahim adalah menyalahi adat istiadat masyarakat Kadazandusun dan Murut. Justeru, pelanggaran dalam justifikasi proses penganugerahan gelaran tertinggi dalam masyarakat Kadazan Dusun Murut (KDM) boleh didakwa di Mahkamah Anak Negeri kerana mempermainkan nilai murni, warisan tradisi dan semangat penganugerahan *Huguan Siou* terdahulu boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang adat negeri.¹⁹

Tindakan mempolitikkan status dan gelaran *Huguan Siou* adalah satu tindakan yang salah. Hal ini demikian kerana *Huguan Siou* merupakan perkara suci dalam kepimpinan masyarakat Kadazandusun dan tidak seharusnya menjadi mainan politik tanpa mengambil kira warisan dan adat sesuatu kaum. *Huguan Siou* merupakan hak eksklusif masyarakat Kadazandusun dan tidak boleh diguna pakai oleh sesiapa yang bukan dari kalangan masyarakat Kadazandusun. Malah, tindakan mana-mana pihak dengan sengaja mengadakan gelaran *Huguan Siou* Malaysia adalah satu penghinaan terhadap masyarakat Kadazandusun.²⁰ Justeru, tindakan tersebut akan menguatkuasakan hukum 'Solupi', iaitu membawa sumpahan terhadap seseorang atau mereka yang merampas struktur kepemimpinan sedia ada dalam lingkungan masyarakat Kadazandusun, terutamanya berhubungan dengan institusi *Huguan Siou*. *Huguan Siou* merupakan penjaga adat, norma, artifak dan tradisi masyarakat Kadazandusun yang dirayakan setiap tahun menerusi Pesta Kaamatan. Sehubungan dengan itu, gelaran *Huguan Siou* yang diberikan kepada individu terpilih adalah bersifat seumur hidup dan hanya boleh dianugerahkan oleh Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah, iaitu sebuah pertubuhan bukan politik yang merangkumi 40 etnik Kadazandusun di Sabah.

Selain itu, kemunculan pelbagai parti politik dan persatuan di Sabah turut menimbulkan kekeliruan terhadap status *Huguan Siou*. Hal ini demikian kerana kewujudan konsep Kadazandusun Murut. Etnik Murut mendakwa bahawa mereka juga berasal dari Nunuk Ragang, maka wujud persatuan seperti

Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PAKADIN), Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Malaysia (KDM) dan parti politik seperti Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu atau *United Pasok Momogun Kadazandusun Murut Organisation* (UPKO) sering kali menunjukkan bahawa *Huguan Siou* adalah ketua bagi masyarakat Kadazandusun dan Murut. Malahan, melalui keratan akhbar *New Sabah Times* pada 16 Februari 2013, yang bertajuk Gelaran '*Huguan Siou*' hanya untuk KDM sahaja.²¹

Tindakan etnik Murut menerima dan mengiktiraf *Huguan Siou* sebagai ketua masyarakat mereka secara langsung menimbulkan kekeliruan terhadap status *Huguan Siou* kerana *Huguan Siou* seperti yang diketahui adalah hanya untuk masyarakat Kadazandusun sahaja. Malah, suku kaum Kadazan khususnya di Penampang beranggapan bahawa *Huguan Siou* adalah hanya untuk kaum Kadazan sahaja.²² Malah, dalam konteks moden *Huguan Siou* merupakan 'Ketua' dalam masyarakat Kadazandusun sahaja dan bukan untuk kaum Murut atau mana-mana kaum lain.²³ Menurut penulis, status dan gelaran *Huguan Siou* sememangnya diperakui berasal dari kaum Kadazan di Penampang. Namun, gelaran ini digunakan sebagai suatu aset kesatuan dan menjadi lambang keteguhan serta perpaduan semua kaum yang telah termaktub dalam perlembagaan KDCA khususnya melalui perayaan seperti Pesta Kaamatan dan Pesta Nunuk Ragang.

***Huguan Siou* dalam Aspek Sosial Masyarakat Kadazandusun**

Masyarakat dari semasa ke semasa berkembang dan berubah khususnya kesan kemasukan pengaruh baharu dari luar yang telah mengubah pandangan, pegangan dan kegiatan hidup seharian. Agama dan pendidikan baharu yang diperkenalkan banyak mengubah persepsi masyarakat tentang konsep ketuhanan. Masyarakat Kadazandusun mula beralih kepada kehidupan beragama khususnya Kristian dan Islam. Perubahan ini mengakibatkan mereka terpaksa menerima transisi kehidupan tersebut daripada tradisional kepada moden. Perubahan yang berlaku kesan daripada pelbagai pengaruh, terutamanya pendidikan bercorak Barat dan perkembangan baharu yang diperkenalkan oleh penjajah telah mengubah corak pemikiran masyarakat Kadazandusun, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi mahupun politik. Namun, apa yang paling ketara adalah arus pembangunan yang begitu cepat turut mengubah pegangan masyarakat terhadap amalan tradisi.

Agama dan Amalan Kepercayaan

Huguan Siou dan Kristian sudah menjadi sangat sinonim dalam masyarakat Kadazandusun. Hal ini disebabkan agama yang dianuti oleh kedua-dua *Huguan*

Siou dalam konteks moden ialah Kristian. Tambahan pula, *Huguan Siou* dalam konteks moden adalah dilantik daripada keturunan Kadazan yang menganut agama Kristian dan idea mewujudkan kembali institusi *Huguan Siou* adalah dari kalangan kaum Kadazan yang kini kebanyakannya penganut agama Kristian. Mereka inilah yang telah memberi pensyarahan bahawa seorang *Huguan Siou* haruslah beragama Kristian.

Justeru, keadaan ini telah menimbulkan salah faham dalam masyarakat Kadazandusun khususnya dari aspek syarat pelantikan seorang *Huguan Siou* pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana realitinya masyarakat Kadazandusun kini terdiri daripada pelbagai anutan agama. Kedatangan dan penerimaan agama Kristian dan Islam di negeri Sabah secara tidak langsung telah mula memperlihatkan pelbagai aliran separatisme dalam masyarakat Kadazandusun khasnya telah membentuk satu kelompok masyarakat yang berbilang dari segi agama. Menurut Tregonning, kedatangan kuasa Barat bukan sahaja bermotifkan ekonomi tetapi membawa bersama nilai-nilai sekular yang sangat bertentangan dengan nilai tradisi serta agama dalam kalangan penduduk tempatan khususnya masyarakat Kadazandusun.²⁴ Dalam tempoh 40 tahun kolonial Barat memerintah Sabah pada tahun 1921, seramai 2.7 peratus penduduk Sabah telah memeluk agama Kristian. Pada tahun 1931, melalui banci penduduk, penganut Kristian bertambah kepada 3.9 peratus, manakala tahun 1951 bertambah kepada 8.7 peratus dan seterusnya pada tahun 1960, penganut Kristian Sabah meningkat kepada 75,247 orang. Kejayaan mubaligh Kristian dalam dakwah dan pendidikan kerana mempunyai dana yang mencukupi, termasuk daripada Syarikat Berpiagam serta *British Crown Colony*. Hal ini secara tidak langsung menjadi penyebab utama agama Kristian tersebar luas di merata tempat di Sabah, terutamanya di bahagian pedalaman.

Pada tahun 1949, pihak gereja Roman Katolik, *Basel-Borneo, Anglican* dan SDA berjaya mendirikan sekolah sebanyak 57 buah dan meningkat kepada 67 buah pada tahun 1954.²⁵ Berbanding dengan masyarakat peribumi Sabah lain seperti kelompok etnik Bajau, Brunei, Sungai dan masyarakat Melayu di Semenanjung sendiri yang hanya terdiri dari satu kelompok agama sahaja iaitu Islam. Justeru, amalan dan kepercayaan yang berbeza-beza dalam kalangan masyarakat Kadazandusun menjadi salah satu halangan terhadap proses pemilihan dan pelantikan *Huguan Siou* pada masa akan datang. Menurut syarat yang telah dibincangkan dalam bab yang sebelumnya, seorang *Huguan Siou* haruslah daripada masyarakat Kadazandusun dan tidak dinyatakan bahawa *Huguan Siou* sepatutnya daripada suku kaum Kadazandusun yang beragama Kristian.

Selain itu, keadaan ini telah menimbulkan salah faham tentang agama yang dianuti dan ritual terhadap *Huguan Siou* yang dilakukan oleh golongan *Bobolian*. *Huguan Siou* selalunya dikaitkan dengan upacara ritual yang akan dilakukan secara adat tradisi yang sememangnya bertentangan dengan ajaran Kristian. Keadaan ini telah menimbulkan ketidakfahaman tentang hubungan antara institusi *Huguan Siou* dan pihak gereja Katolik khususnya. Menurut Rev. Fr Ronny, rektor gereja Katolik di Holy Cross, Toboh, Tambunan menyatakan bahawa institusi *Huguan Siou* dan gereja adalah dua entiti yang sangat berbeza tetapi dalam masa yang sama kedua entiti ini boleh bekerjasama. Sebagai penganut agama Kristian, *Huguan Siou* selalunya akan terlibat dalam mana-mana program yang dianjurkan oleh pihak gereja.

Malah, dalam konteks moden, *Huguan Siou* setakat ini adalah penganut agama Kristian dan secara tidak langsung *Huguan Siou* adalah penyumbang dalam memastikan keamanan dan keharmonian kepada masyarakat Kadazandusun khususnya kepada penganut agama Kristian. Justeru, ia tidak menjadi satu kesalahan sekiranya satu upacara sembahyang keagamaan yang dilakukan di gereja untuk kesyukuran kepada konsep ketuhanan terhadap penerimaan *Huguan Siou* sebagai pemimpin tertinggi dalam masyarakat Kadazandusun. Di samping itu, upacara ini adalah sebagai satu penghormatan kepada setiap pemimpin yang ada dan mempercayai setiap pemimpin adalah anugerah Tuhan. Walaupun begitu, dalam upacara yang dipanggil sebagai 'Ritual Liturgi' dan yang berkaitan dengan pengurusan diosis dan paroki, *Huguan Siou* tidak terlibat secara langsung.

Namun, sebagai salah seorang penganut agama Kristian, *Huguan Siou* akan bertindak sebagai badan sokongan gereja bagi membantu aktiviti gereja dan kerja kemasyarakatan di setiap paroki dan juga di setiap *chapel* atau gereja kecil. *Huguan Siou* turut diberikan penghormatan untuk memberi ucapan sempena perasmian pembukaan *chapel* baharu dan upacara membuka tirai kain sebagai simbol perasmian gereja baharu.²⁶ Di samping itu, sebagai kakitangan kerajaan, melalui pemberian dana atau derma kepada pengamal agama masing-masing dari segi bantuan kewangan dan material banyak membantu *Huguan Siou* dalam kerja kemasyarakatan.²⁷

Justeru, menurut Mahmud bin Sabin, *Huguan Siou* tidak pernah terlibat mana-mana aktiviti atau program yang dianjurkan oleh mana-mana pihak yang berunsur keislaman sekalipun program tersebut adalah di bawah kendalian masyarakat Kadazandusun itu sendiri. Bagaimanapun, menurutnya sekiranya *Huguan Siou* itu adalah seorang yang menganuti agama Islam maka beliau tetap tidak lari daripada tanggungjawabnya.²⁸

Pendidikan

Pada dasarnya, tanggungjawab bagi memastikan masyarakat Kadazandusun menerima pendidikan seiring dengan perkembangan pendidikan di Malaysia bukannya terletak seratus peratus pada *Huguan Siou*. Namun sebagai seorang yang boleh dianggap ikon dalam masyarakat Kadazandusun, status *Huguan Siou* yang dimiliki secara tidak langsung dapat membantu masyarakat Kadazandusun supaya tidak ketinggalan jauh ke belakang khususnya dalam bidang pendidikan. Melalui kepemimpinan *Huguan Siou* dalam persatuan KDCA, pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan bukan sahaja penubuhan tabung biasiswa tetapi dalam usaha menubuhkan sekolah serta kolej bagi memastikan anak-anak masyarakat Kadazandusun mendapat pendidikan. Menurut Dr. Banedict Topin, pihak KDCA telah menubuhkan tabung biasiswa bagi menaja pelajar atau anak-anak dari kalangan masyarakat Kadazandusun bagi membolehkan mereka melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Malahan, tabung biasiswa telah pun diwujudkan semenjak KCA di bawah pimpinan *Huguan Siou* Donald Stephens.²⁹

Walaupun demikian, usaha tersebut adalah kerjasama antara semua pihak atau ahli KDCA. Di samping itu, memandangkan *Huguan Siou* turut memegang jawatan penting dalam kerajaan, maka status dan gelaran yang dimiliki iaitu sebagai *Huguan Siou* dalam masyarakat Kadazandusun turut digunakan bagi tujuan mendapatkan dana dalam usaha menubuhkan sekolah dan kolej. Maka, seiring dengan perkembangan pendidikan di Malaysia, cadangan menubuhkan sekolah dan kolej bagi masyarakat Kadazandusun khususnya telah diutarakan oleh *Huguan Siou* kepada pihak Kerajaan Negeri Sabah. Atas usaha tersebut, pada 15 Jun 2007, majlis pecah tanah bagi 'Sekolah Jenis Kebangsaan Kadazandusun Sabah' di Kampung Tiong Monggis, Tenghilan telah dirasmikan oleh *Huguan Siou* Joseph Pairin Kitingan.³⁰ Penubuhan sekolah ini menjadi satu saluran paling berkesan untuk mewariskan bahasa ibunda, tradisi dan identiti budaya masyarakat Kadazandusun kepada generasi-generasi yang akan datang. Hal ini demikian kerana kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di negara ini telah membuktikan bahawa warisan bahasa ibunda, keunikan tradisi dan budaya mereka dapat terus subur tanpa mengalami sebarang kebimbangan untuk pupus.

Fenomena yang berlaku dalam masyarakat Kadazandusun pada masa kini, tidak dapat dinafikan kerana masyarakat Kadazandusun pada umumnya sedang berhadapan dengan satu kebimbangan. Bimbang bahasa ibunda tidak akan mampu bertahan ke generasi seterusnya akan pupus disebabkan persekitaran untuk terus mempelajari dan mengamalkan bahasa ibunda semakin kurang. Justeru, melalui penubuhan sekolah ini dapat meletakkan

Bahasa Kadazandusun di tempat yang selesa untuk dipelajari dan seterusnya bagi mengelakkan bahasa Kadazandusun terhapus ditelan zaman.

Selain itu, kerajaan telah meluluskan penubuhan kolej komuniti dan majlis pecah tanah telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Kaingaran, Tambunan pada 17 Jun 2012. Malah, kolej KDM ini telah pun memulakan sesi pembelajaran sejak tahun 2013, iaitu kemasukan sesi yang pertama adalah pada bulan Julai dengan menawarkan kursus sepenuh masa dan kursus pendek. Antara kursus yang ditawarkan adalah Kursus Pelancongan, Automobil dan Perakaunan. Walau bagaimanapun, Kolej KDM beroperasi dengan menumpang bangunan di Tambunan Village Resort Center (TVRC) buat sementara waktu sehingga pembinaan kolej siap sepenuhnya yang bertempat di Kampung Kaingaran, Tambunan.³¹

Penubuhan Kolej Kadazandusun dan Murut atau Kolaj KDM memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar dari kawasan pedalaman Sabah untuk meneruskan pelajaran. Malah, pewujudan Kolej KDM merupakan salah satu usaha dalam memartabatkan bahasa dan seni budaya KDM.³² Penubuhan kolej KDM secara tidak langsung membantu menyerlah peranan masyarakat Kadazandusun, terutamanya dalam arena pendidikan seiring dengan wawasan negara yang mahu menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Ia akan menyerlahkan lagi penglibatan masyarakat Kadazandusun dalam bidang pendidikan dan seterusnya melahirkan generasi muda yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang dapat memberi sumbangan kekuatan masa hadapan negeri dari segi ekonomi dan pendidikan.³³ Justeru, penawaran kursus selaras dengan misi kerajaan mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya melahirkan pekerja atau tenaga kerja yang terlatih.

Selain itu, sebagai 'Ketua' *Huguan Siou* turut menjadi aspirasi kepada masyarakat Kadazandusun. Sehingga status dan gelaran *Huguan Siou* telah digunakan oleh pihak KDCA bersempena dengan program penganugerahan kecemerlangan yang dikenali sebagai "Anugerah Huguan Siou". Program ini diadakan di daerah yang dipilih setiap tahun. Anugerah ini akan diberikan kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Penyampaian anugerah ini akan disempurnakan oleh *Huguan Siou* iaitu Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan. Anugerah ini pula adalah sebagai penghargaan dan hadiah galakan serta motivasi kepada para pelajar yang telah berusaha gigih mencemerlangkan diri mereka khususnya pencapaian mereka dalam bidang akademik.³⁴

Kesimpulan

Kedudukan *Huguan Siou* sebagai ketua masyarakat Kadazandusun sering kali menghadapi pelbagai cabaran setelah kemunculan pelbagai aliran separatisme sama ada dari aspek sosial dan juga politik. Ia jelas apabila sesetengah pihak telah mempolitikkan status dan gelaran *Huguan Siou* sebagai kepentingan mereka. Kewujudan masyarakat Islam dan Kristian dalam Kadazandusun turut menimbulkan ketidakfahaman tentang status dan gelaran *Huguan Siou* khususnya yang berkaitan dengan persyaratan menjadi *Huguan Siou*.

Namun begitu, status dan gelaran *Huguan Siou* merupakan simbol kesatuan masyarakat menerusi institusi kebudayaan. *Huguan Siou* menjadi wadah penyatuan dalam kalangan suku kaum yang terdapat dalam masyarakat Kadazandusun. Ia merupakan kunci utama ke arah kemakmuran dan keharmonian kaum. Justeru, masyarakat Kadazandusun terus berganding bahu dalam suasana aman dan harmoni, saling memahami, menghormati dan menjadikan tradisi kepemimpinan *Huguan Siou* ini sebagai khazanah, warisan sejarah dan perlu dipelihara bersama.

Nota

- ¹ Hamdan Aziz, Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1967-1976, *SUSURGALUR*: 1(2) September 2013, hlm. 168.
- ² Dayu Sansalu, Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 341.
- ³ Parti Pasok Momogun ditubuhkan di Keningau untuk menyatukan orang suku kaum Dusun dan Murut di Sabah. Penubuhannya bertujuan untuk menentang penyertaan Sabah dalam Malaysia kerana rakyat Sabah dianggap masih jauh ketinggalan dari segi pendidikan dan ekonomi. Bagi meneruskan perjuangannya, parti ini kemudiannya diganti dengan Parti United National Pasok Momogun Organisation (UNPMO). Ia ditubuhkan bagi menentang penubuhan Malaysia dan tidak bersetuju dengan penggunaan istilah Kadazan oleh Huguan Siou Donald Stephens. Margeret Roff, *The Rise and Demise of Kadazan Nationalism*, *Journal of Southeast Asian History*, Vol.10 (2), 1969: 339.
- ⁴ Raymond BoinTombung, *Keluarga Dusun*, Kota Kinabalu: SQS Printing Sdn. Bhd, 1990, hlm.1-10; Lihat juga, *Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association's (KDCA)*, Artikel 6 (1), Kota Kinabalu: Hongkod Koisaan.
- ⁵ *Ibid.*, hlm. 5-6.
- ⁶ Hanafi Hussin, *Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah*, *Borneo Research Journal*, (1), 2007: 7-29.
- ⁷ Malakun, C. D. B, *Political Development in Sabah 1881-1981*, Dalam, Anwar Sullivan dan Cecilia Leong, (peny.), *Commemorative history of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Government, 1981, hlm. 119-180.
- ⁸ Hegemoni adalah merujuk kepada suatu kuasa besar seperti 'kelas masyarakat pemerintah' (*ruling class*) yang amat berpengaruh dalam mengawal segala tindak-tanduk masyarakat dalam sesebuah parti. Selain itu, dalam membincangkan susur galur dominasi parti politik di bawah pimpinan Huguan Siou, ia boleh dikaitkan dengan situasi di mana Huguan Siou pada dasarnya merupakan penjawat awam dalam kerajaan negeri dan mempunyai hubungan akrab parti yang mentadbir Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Pemilihan menduduki jawatan yang penting dalam masyarakat Kadazandusun (sebagai Huguan Siou iaitu ketua komuniti

Kadazandusun) justeru kerana masyarakat Kadazandusun beranggapan bahawa Huguan Siou akan menjadi wakil mereka untuk menyuarakan segala harapan kepada pemerintah atau kerajaan. Donald Stephens dipilih sebagai Huguan Siou pertama dalam konteks moden kerana bukan sahaja berpendidikan tinggi, mempunyai pengaruh dan hubungan yang baik dengan kerajaan penjajah, dan merupakan ahli yang dilantik dalam Dewan Undangan Penjajah ketika itu yang dilantik oleh Kerajaan Borneo Utara British.

- ⁹ Berita Bernama, Luis Harap Tuah "Huguan Siou" Untuk Pertahankan Dun Kiulu, 18 Mac 2014: 6; Lihat juga, Arnold Puyok, *Ethnic Factor in the 2008 Malaysian General Election: The Case of The Kadazan Dusun (KD) in Sabah*, JEBAT 35 (2008): 1-16.
- ¹⁰ Utusan Malaysia, Tarikan Poster 'Huguan Siou', 11 Oktober 2003: 15.
- ¹¹ Md. Salleh Md. Said, *Voting Patterns of The Bajau Ethnic Community in Sabah Politics, 1963-2004*, Tesis Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, 2005, hlm. 1-6.
- ¹² Pandikar Amin Haji Mulia, *Siapa Selepas Pairin?* Kota Kinabalu: Marah Yakin Sdn. Bhd, 1993, hlm. 199-202.
- ¹³ Chamil Wariah, *UMNO SABAH: Mencabar dan Dicabar*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1992, hlm. 86-96.
- ¹⁴ Khusairi Talib, *PBS Keluar Membela Maruah*, Kuala Lumpur: Goldana Corporation Sdn. Bhd, 1991, hlm. 89-98.
- ¹⁵ Berita Harian, Najib Akan Tolak Gelaran Huguan Siou, Hormati Budaya KDM, 14 Februari 2013: 11.
- ¹⁶ Mohd Razlan Salleh, Hormati Budaya Sabah, *Harian Metro*, 15 Februari 2013: 23.
- ¹⁷ Suzianah Jiffar dan Amin Ridzuan Ishak, Anuar Tidak Layak digelar Huguan Siou, *Berita Harian*, 13 Februari 2013: 12.
- ¹⁸ *Harian Metro*, Gelaran 'Huguan Siou Malaysia' Mengundang Rasa Tidak Puas Hati, 14 Februari 2013: 8; Lihat juga, Michael Teh, *KDCA Offended By 'Huguan Siou' Anuar*, *New Sabah Times*, 13 Februari 2013: 7.
- ¹⁹ Mohd Razlan Salleh, 'Kami Mahu Penjelasan', *Harian Metro*, 14 Februari 2013: 4.
- ²⁰ Joniston Bangkuai, *Insensitive and Disrespectful: Only a Worthy Leader Can Hold the Sacred Office of the Kadazandusun Huguan Siou*, *New Straits Times*, 13 Februari 2013: 14.; Lihat Juga, Joniston Bangkuai and Roy Goh, *Secred Award: Conferment of 'Huguan Siou' Title on Anuar Riles Sabahans*, *New Straits Times*, 14 Februari 2013: 12.
- ²¹ Razeef Rahman, Gelaran 'Huguan Siou' hanya untuk KDM sahaja, *New Sabah Times*, 16 Februari 2013: 7.
- ²² Temu bual bersama Rosanani Sogondu di Kampung Penapa Sugud, Penampang pada 25 Januari 2015. Responden ini berumur 83 tahun. Dilahirkan pada 30 Julai 1932 di Kampung Nampasan, Penampang. Beliau merupakan pesara di Majlis Perbandaran Kota Kinabalu.
- ²³ Gelaran Huguan Siou adalah hanya untuk masyarakat Kadazandusun sahaja. Namun, media massa seperti surat khabar sering kali menggunakan gelaran Huguan Siou untuk masyarakat Kadazandusun dan Murut khususnya yang berkaitan dengan politik. Keadaan ini akan menimbulkan kekeliruan terhadap konsep institusi Huguan Siou itu sendiri kepada masyarakat kini khususnya bagi generasi muda masyarakat Kadazandusun dan kaum lain di Sabah. *Ibid*.
- ²⁴ Tregonning, K.G, *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 15.
- ²⁵ Mat Zin Mat Kib, Tun Mustapha: His Role and Contribution to the Development in Sabah, Malaysia, *TAWARIKH: Vol 3 (2)*, 2003: 112.
- ²⁶ Temu bual bersama Rev. Fr. Ronny Peter Mailap, 34 tahun, Dewan Gereja Kampung Tiong, Tambunan, 22 Februari 2015.
- ²⁷ Catholic Diocese of Keningau, *Pemberkatan dan Perasmian Gereja Baru Kirokot*, 14 Mei 2011: 7.
- ²⁸ Temu bual bersama Mahmud bin Sabin, *op. cit*.
- ²⁹ Temu bual bersama Benedict Topin (Dr.), 59 Tahun, Setiausaha Kerja KDCA, Penampang Sabah. 6 Ogos 2013. Lihat Juga Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodelan 1881-1967...* hlm. 270.
- ³⁰ Allan Dumbong, 2007, *Sekolah Jenis Kebangsaan Kadazandusun*. <http://kdca.org.my/archives/date/2007/06>, Diakses 23 Jun 2013.
- ³¹ Sitti Nor Azizah Talata, Kolej KDM Mula Sesi Belajar Julai, *Utusan*, 17 April 2011: 12.
- ³² Kerajaan Sokong Penubuhan Kolej KDM Sabah, *Bernamea*, 17 Jun 2012.

³³ Pairin Harap Kolej KDM bakal Capai Status Universiti, *New Sabah Times*, 06 Mac 2010: 8. 2010.

³⁴ Allan Dumbong, 16 Pelajar Sekolah Menengah Akan Terima Anugerah Huguan Siou Anjuran KDCA. <http://kdca.org.my/archives/category/branch/page/3>, Diakses 13 Mac 2012.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- Berita Bernama. (2012). Kerajaan Sokong Penubuhan Kolej KDM Sabah. 17 Jun: 7.
- Berita Bernama. (2014). Luis Harap Tuah "Huguan Siou" Untuk Pertahankan Dun Kiulu. 18 Mac: 6.
- Berita Harian. (2013). Najib Akan Tolak Gelaran Huguan Siou, Hormati Budaya KDM, 14 Februari: 11.
- Berita Harian. (2013). Suzianah Jiffar dan Amin Ridzuan Ishak. Anuar Tidak Layak digelar Huguan Siou. 13 Februari: 12.
- Catholic Diocese of Keningau. (2011). Pemberkatan dan Perasmian Gereja Baru Kirokot. 14 Mei: 7.
- Harian Metro. (2013). Gelaran "Huguan Siou Malaysia" Mengundang Rasa Tidak Puas Hati. 14 Februari: 8.
- Harian Metro. (2013). Mohd Razlan Salleh. Hormati Budaya Sabah. 15 Februari: 23.
- Harian Metro. (2013). Mohd Razlan Salleh. 2013. Kami Mahu Penjelasan. 14 Februari: 4.
- New Sabah Times. (2013). Michael Teh. KDCA Offended By 'Huguan Siou' Anuar. 13 Februari: 7.
- New Sabah Times. (2013). Razeef Rahman. Gelaran "Huguan Siou" Hanya Untuk KDM Sahaja. 16 Februari: 7.
- New Sabah Times. (2010). Pairin Harap Kolej KDM bakal Capai Status Universiti. 06 Mac: 8.
- New Straits Times. (2013). Joniston Bangkuai dan Roy Goh. Sacred Award: Conferment of 'Huguan Siou' Title on Anuar Riles Sabahans. 14 Februari: 12.
- New Straits Times. (2013). Joniston Bangkuai. Insensitive and Disrespectful: Only a Worthy Leader Can Hold the Sacred Office of the Kadazandusun Huguan Siou. 13 Februari: 14.
- Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association's (KDCA), Artikel 6 (1), Hongkod Koisaan, Kota Kinabalu.
- Utusan. (2011). Sitti Nor Azizah Talata. Kolej KDM Mula Sesi Belajar Julai. 17 April: 12.
- Utusan Malaysia. (2013). Tarikan Poster 'Huguan Siou'. 11 Oktober: 15.

Buku dan Jurnal

- Arnold Puyok. (2008). Ethnic Factor in the 2008 Malaysian General Election: The Case of The Kadazan Dusun (KD) in Sabah. *JEBAT* 35 (1-16).
- Chamil Wariah. (1992). UMNO SABAH: Mencabar dan Dicapar. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hamdan Aziz. (2013). Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1967-1976. *SUSURGALUR*: 1(2) September.
- Hanafi Hussin. (2007). Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah. *Borneo Research Journal*. Volume 1. December.
- Khusairi Talib. (1991). PBS Keluar Membela Maruah. Kuala Lumpur: Goldoana Corporation Sdn. Bhd.
- Malakun, C. D. B. (1981). Political development in Sabah 1881-1981. Dalam. *Commemorative history of Sabah 1881-1981*. (ed.). Anwar Sullivan and C. Leong, Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Government.

- Mat Zin Mat Kib. (2003). Tun Mustapha: His Role and Contribution to the Development in Sabah, Malaysia. *TAWARIKH*: Vol 3 (2).
- Md. Salleh Md. Said. (2005). *Voting Patterns of The Bajau Ethnic Community in Sabah Politics, 1963-2004*. Tesis Sarjana. Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Pandikar Amin Haji Mulia. (1993). *Siapa Selepas Pairin?* Kota Kinabalu: Marah Yakin Sdn. Bhd.
- Raymond Boin Tombung. (1990). *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: SQS Printing Sdn. Bhd.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Laman Sesawang

- Allan Dumbong. 2007. Sekolah Jenis Kebangsaan Kadazandusun. <http://kdca.org.my/archives/date/2007/06>. Diakses 23 Jun 2013.
- Allan Dumbong. 2011. 16 Pelajar Sekolah Menengah Akan Terima Anugerah Huguan Siou Anjuran KDCA. <http://kdca.org.my/archives/category/branch/page/3>. Diakses 13 Mac 2012.

Temu Bual

- Benedict Topin (Dr). Umur 59 Tahun. Setiausaha Kerja KDCA. Penampang Sabah. 6 Ogos 2013.
- Rosanani Sogondu. 83 tahun. Kampung Sugud, Penampang. 25 Januari 2015.
- Rev. Fr. Ronny Peter Mailap. 34 tahun. Dewan Gereja Kampung Tiong, Tambunan. 22 Februari 2015.

